

Pelancongan gerak ekonomi Labuan

► Rozman hargai usaha Usda promosi destinasi pelancongan menarik

Oleh HENRY BATING


LABUAN: Semua badan bukan kerajaan (NGO) mempunyai peranan penting untuk membantu merelisasikan usaha menjadikan Labuan sebagai alternatif baharu menggerakkan ekonomi selepas kemerosotan industri minyak dan gas.

Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli berkata pihaknya sentiasa memberikan sokongan penuh kepada usaha semua pihak melaksanakan pelbagai program kekeluargaan, kemasyarakatan dan

kebudayaan.

"Malahan kita amat mengharapkan agar usaha menyerlahkan keunikan warisan tradisi budaya dan seni berbilang etnik dapat disemarakkan kerana program seperti itu merupakan produk pelancongan yang amat popular," katanya ketika melancarkan program amal Persatuan Dusun Sabah Bersatu (Usda) Labuan, baru-baru ini.

Program Kesihatan dan Kecerdasan yang berlangsung sehari di Dewan JKR itu melibatkan pelbagai program untuk semua golongan meliputi kanak-kanak, wanita dan lelaki bertemakan



ROZMAN sedang menandatangani autograf sambil diperhatikan Joe.



ROZMAN bersama sebahagian jawatankuasa penganjur.

pakaian Halloween.

Antara aktiviti yang dijalankan dengan kerjasama KRT Mutiara ialah pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka bowling kelapa, golf kampung, mimpanau, jualan gerai dan pameran, senaman zumba, cabutan bertuah, kostum terbaik dan kutipan derma untuk badan amal.

Kira-kira 300 orang menyertai program itu yang terdiri daripada kalangan ahli Usda dan masyarakat umum di Labuan.

Terdahulu dalam ucapannya, Pengerusi Usda Labuan Joe Ragan berkata program itu adalah simbolik memperkenalkan Usda sebagai persatuan etnik Dusun yang terawal di Sabah kepada umum.

"Usda telah ditubuhkan pada tahun 1961 sebelum kemerdekaan Sabah bersama Malaysia dan telah melewati perjalanan sejarah yang panjang untuk mengangkat warisan tradisi etnik yang boleh dijadikan sebagai produk pelancongan," katanya.

Program kesihatan dan kecerdasan itu bukan sekadar untuk kesihatan tetapi juga program amal untuk mengumpul dana yang

disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memenuhi sebahagian keperluan anak yatim dan Asnaf.

Program itu merupakan kali kedua seumpamanya diadakan Usda yang bukan sahaja melibatkan masyarakat Kadazandusun Murut tetapi juga semua golongan masyarakat di Labuan.

Gambar kiri
SEBAHAGIAN kanak-kanak sedang mengikuti aktiviti mewarna.

Gambar bawah
ROZMAN bersama Joe dan pemimpin tertinggi Usda Labuan.

